



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

05 - 08 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT-ISNIN)

'Mereka Hanya Pandai Perjuangkan Nasib Haiwan...Nyawa Manusia Bagaimana?'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	4 Sept



LAPORAN Harian Metro sebelum ini

Kuala Lumpur: Jangan jadikan nyawa sebagai taruhan sebaliknya isu membabitkan serangan anjing tidak boleh dikompromi dan perlu ditangani dengan lebih tegas.

Itu ketegasan Presiden Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia), Arie Dwi Andika yang menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap isu serangan membabitkan anjing pemeliharaan mahupun liar.

Arie berkata, imej haiwan

berkenaan semakin buruk di mata masyarakat kerana tindakan sesetengah pencinta haiwan yang sering menegakkan benang basah apabila kerajaan mengambil tindakan tegas demi keselamatan rakyat.

Katanya, kumpulan pencinta anjing sering dilihat tidak bertanggungjawab apabila kerap melanggar peraturan serta undang-undang dengan alasan sayangkan haiwan sedangkan tindakan itu mendatangkan mudarat kepada orang lain.

"Dalam isu keselamatan

nyawa tiada kompromi, malah ruang bahaya dan ancaman perlu ditutup sama sekali.

"Alasan sayang haiwan bukan lesen lakukan apa sahaja ikut kehendak hati hingga mendatangkan bahaya kepada masyarakat.

"Kerajaan perlu lebih tegas terhadap golongan pencinta anjing yang hanya menuntut hak mereka tetapi enggan memikul tanggungjawab sekiranya berlaku serangan sehingga menyebabkan kecederaan, kecacatan atau kematian.

"Semua pihak juga perlu memahami bahayanya serangan anjing termasuk risiko rabies dan ancaman kecederaan hingga boleh membawa maut. Nyawa rakyat bukan perkara yang boleh dibuat main," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau mengulas mengenai kejadian terbaharu serangan anjing yang berlaku di Kajang, semalam sehingga menyebabkan seorang kanak-kanak parah di bahagian kepala.

Arie berkata, lebih 30,000 aduan kacau ganggu serta serangan anjing dilaporkan setiap tahun dengan kebanyakan kes menyebabkan mangsa maut, cedera parah dan trauma.

"Adakah perkara membabitkan nyawa dan keselamatan boleh didiamkan begitu sahaja? Pencinta anjing hanya pandai menyalahkan kerajaan, berdemo, melaungkan keadilan untuk anjing dan menuduh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain yang tidak sehaluan dengan mereka.

"Anjing tidak berakal, namun pencinta anjing perlu menggunakan akal dengan bijak demi keselamatan orang ramai sekiranya mahu memperjuangkan hidup bersama haiwan itu.

"Hal pengurusan anjing seharusnya diserahkan kepada pihak berkuasa antaranya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kesihatan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)," katanya.

Katanya, pihaknya juga bersedia memberi khidmat konsultasi kepada kerajaan berhubung penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan pengurusan haiwan pada bila-bila masa diperlukan.

"Sudah tiba masanya isu ini tidak lagi dikompromi. Mangsa serangan anjing tidak pernah mendapat

pembelaan, malah sering dipersalahkan pula," katanya.

Semalam media melaporkan, satu lagi serangan membabitkan anjing berlaku di kawasan perumahan Batu 9 Cheras, Kajang sehingga menyebabkan kanak-kanak lelaki enam tahun parah digigit haiwan itu.

Susulan itu, anjing terbabit ditangkap penguatkuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) selepas mendapat aduan penduduk.-[MYMETRO](#)

MPKJ Tangkap Anjing Cederakan Kanak-kanak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	4 Sept



LAPORAN Harian Metro sebelum ini

Kuala Lumpur: Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sudah menghantar kakitangan untuk menjalankan siasatan ke premis pemilik anjing yang menyerang kanak-kanak lelaki enam tahun di Taman Megah, Cheras, semalam.

MPKj berkata, selain itu, pihaknya juga melaksanakan kawalan dan tangkapan anjing berkeliaran di kawasan sekitar bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat.

"Susulan kejadian itu MPKj

sudah menghantar segera pasukan Unit Tangkapan Anjing Terbiar MPKj ke lokasi kejadian dan berjaya menangkap anjing yang dipercayai mencederakan kanak-kanak berkenaan.

"Bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat, MPKj menghantar kakitangan untuk menjalankan siasatan ke premis pemilik anjing pada 4 September serta melaksanakan kawalan dan tangkapan anjing berkeliaran di kawasan sekitar," katanya dalam satu kenyataan hari

ini.

Semalam, seorang kanak-kanak lelaki parah di kepala selepas diserang seekor anjing dalam kejadian yang berlaku di Taman Megah, Cheras.

Mengulas lanjut, MPKj berkata, anjing itu telah dibawa ke Pusat Tahanan Haiwan MPKj untuk diasingkan dan ditahan sehingga siasatan kes selesai.

"MPKj juga akan mendapatkan pandangan teknikal daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Langat bagi tindakan selanjutnya," katanya.

MPKj turut menyeru agar pemilik anjing tidak melepaskan haiwan peliharaan mereka ke luar premis tanpa pengawasan.

"Bagi pemilik yang tidak lagi berhasrat memelihara anjing mereka boleh menyerahkan haiwan tersebut kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Pemilik juga boleh menghubungi pihak MPKj sekiranya memerlukan maklumat lanjut," katanya.-

[MYMETRO](#)

Anjing Serang Kanak-kanak Di Cheras Tidak Bertuan – Mpkj

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	5 Sept



Anjing yang dipercayai mencederakan seorang kanak-kanak di Taman Megah, Batu 9, Cheras Rabu lalu. Ihsan Foto : Orang awam

KUALA LUMPUR – Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengesahkan anjing yang menyerang seorang kanak-kanak di Taman Megah, Batu 9, Cheras baru-baru ini tidak mempunyai pemilik dan merupakan anjing liar.

Menurut kenyataan, haiwan tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk tindakan lanjut selepas pihak berkuasa tempatan itu mengeluarkan surat pemakluman rasmi.

Manakala Kanak-kanak

berusia enam tahun yang cedera akibat serangan itu kini masih dirawat di Wad Kanak-kanak Hospital Putrajaya.

Anjing terbabit berjaya ditangkap menerusi pasukan Unit Tangkapan Anjing Terbiar yang digerakkan ke lokasi sejurus kejadian berkenaan tular di media sosial.

Anjing itu telah menyerang seorang kanak-kanak berusia enam tahun yang pada ketika itu sedang bermain basikal kira-kira jam 6.30

petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner, Naazron Abdul Yusof berkata, pihaknya menerima laporan dari abang mangsa berusia 20 tahun pada pukul 11.41 malam hari yang sama. – [MALAYSIAGAZETTE](#)

Anjing Serang Budak Lelaki Disahkan Tidak Bertuan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	5 Sept



LAPORAN Harian Metro sebelum ini

Kajang: Anjing yang menyerang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun di Taman Megah, Batu 9 Cheras di sini, kelmarin, didapati tiada pemilik.

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata, ia berdasarkan maklumat pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) yang mengesahkan ia haiwan liar.

"MPKJ sudah mengeluarkan surat pemakluman untuk anjing itu diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bagi tindakan

lanjut," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ditanya mengenai keadaan mangsa serangan haiwan itu, beliau berkata, mangsa masih dirawat di Wad Kanak-Kanak Hospital Putrajaya.

Harian Metro terdahulu melaporkan, kanak-kanak lelaki digigit anjing di sebuah taman perumahan seperti yang tular di media sosial.

Naazron dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu daripada abang mangsa berusia 20 tahun pada 11.41

malam.

Semalam, abang mangsa serangan anjing mendakwa terkejut apabila adik lelakinya itu berlari ke arahnya dalam keadaan muka berlumuran darah dan menjerit kesakitan.

Surya Arifin Mohd Nasir, 21, dilaporkan berkata, adiknya Muhamad Firdaus Hakim, 6, menjerit kesakitan sambil meminta membasuh kepalanya yang berlumuran darah dengan air.

Surya yang bekerja sebagai mekanik berkata, adiknya mempunyai empat kesan luka di kepalanya akibat gigitan anjing berkenaan.

Katanya, bahagian belakang kepala adiknya luka teruk dan doktor memaklumkan perlu ambil kulit di bahagian badan lain untuk tampal disebabkan berlubang.-

[MYMETRO](#)

MPKj Tangkap Anjing Disyaki Serang Kanak-kanak Di Cheras

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernamea	Jenayah & Mahkamah	Online	4 Sept



LAPORAN Harian Metro sebelum ini

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah menangkap anjing yang disyaki mencederakan seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun di Taman Megah, Cheras dekat sini petang semalam.

Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat MPKj memaklumkan pasukan Unit Tangkapan Anjing Terbiar MPKj dikerah segera ke lokasi kejadian dan berjaya menangkap anjing terbabit.

“Bagi memastikan

kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat, MPKj telah menghantar petugas untuk menjalankan siasatan ke premis pemilik anjing pada hari ini serta melaksanakan kawalan dan tangkapan anjing berkeliaran di kawasan sekitar,” menurut MPKj dalam kenyataan.

Kenyataan itu memaklumkan anjing berkenaan telah dibawa ke Pusat Tahanan Haiwan MPKj untuk diasingkan dan ditahan sehingga siasatan kes selesai.

“Pihak MPKj juga akan

mendapatkan pandangan teknikal daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Langat bagi tindakan selanjutnya dan menyeru agar pemilik anjing tidak melepaskan haiwan peliharaan mereka ke luar premis tanpa pengawasan," menurut kenyataan itu.

Terdahulu Ketua Polis Daerah Kajang ACP Naazron Abdul Yusof berkata seorang kanak-kanak lelaki cedera digigit seekor anjing ketika sedang bermain basikal di jalan berhampiran rumahnya dalam kejadian pada 6.30 petang.

Mangsa yang cedera di bahagian kepala kini dirawat di wad kanak-kanak Hospital Kajang.-[BERNAMA](#)

Dog That Mauled Boy To Be Handed Over To Vet Dept

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
New Straits Times	News	Online	5 Sept



The stray dog that mauled a 6-year-old boy in Taman Megah, Cheras, will be handed over to the Veterinary Services Department for further action. NSTP file pic

KAJANG: The dog which mauled the 6-year-old boy in Taman Megah, Batu 9, Cheras on Sept 3, will be handed over to the Veterinary Services Department (DVS) for further action.

District police chief Assistant Commissioner Nazron Abd Yusof said the Kajang Municipal Council (MPKj) had said the dog was a stray.

"MPKj has issued a notification letter for the dog to be handed over to the (DVS) for further action," he said in a statement today.

Earlier today, the victim's 64-year-old father said that his son has to go through two surgeries due to injuries inflicted during the attack.

The first surgery was carried out at Putrajaya Hospital yesterday and the boy is awaiting his second surgery.

The father said his son is awake and stable.

The boy was reportedly not the first victim of the dog.

Earlier, 66-year-old Ng Kim Kong said that his 28-year-

old son was attacked on Aug
29.

He was injured on his arms
and legs, receiving two
stitches.

Budak 6 Tahun Diserang Anjing Kini Stabil, Jalani Pembedahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	7 Sept



Seorang budak lelaki berusia enam tahun cedera diserang anjing liar di Cheras.

KAJANG - Seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun yang cedera selepas diserang seekor anjing di sebuah taman perumahan di Batu 9, Cheras pada Rabu lalu dilaporkan dalam keadaan stabil.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata, kanak-kanak itu akan menjalani pembedahan lagi untuk jahitan di kulit luar kepala.

“Doktor turut memberikan ubat nyah rabies kepada mangsa. Berhubung kemungkinanjangkitan

rabies, keputusan hanya dapat dipastikan selepas analisis diterima,” katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Pada Jumaat, media melaporkan anjing yang menyerang dan menggigit kanak-kanak lelaki itu disahkan merupakan anjing liar.

Naazron berkata, semakan itu dilakukan pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

MPKj telah mengeluarkan surat pemakluman berkaitan anjing berkenaan untuk diserahkan kepada pihak

Jabatan Veterinar bagi tindakan lanjut.

Katanya, mangsa yang sebelum ini dibawa ke Hospital Kajang telah dipindahkan ke Hospital Putrajaya dan dirawat di wad kanak-kanak hospital berkenaan.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun cedera selepas diserang dan digigit seekor anjing ketika bermain basikal di jalan berhampiran rumahnya.

Kejadian terbabit sebelum itu tular di media sosial memaparkan kanak-kanak berkenaan bergelut dengan anjing itu beberapa ketika sebelum berjaya melarikan diri.

Turut tular beberapa gambar yang menunjukkan keadaan mangsa berlumuran darah dengan kesan kulit terkoyak di bahagian kepala.-

[SINARHARIAN](#)

Penyeludupan Haiwan Ternakan Ada Kaitan Sindiket Dadah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Online	7 Sept



Datuk Seri Mohamad Sabu ditemui di Kampung Seribong hari ini. - Foto BERNAMA.

KOTA BHARU, 7 September - Penyeludupan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing di sempadan Malaysia-Thailand dipercayai ada kaitan dan berkemungkinan menjadi taktik baharu sindiket penyeludupan dadah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kemasukan haiwan secara haram bukan sahaja menjejaskan pasaran tempatan, malah mengundang risiko penyakit.

“Haiwan yang diseludup

boleh dijual dengan harga murah dan tidak diperiksa oleh Jabatan Veterinar. Penyeludupan dadah di Kelantan juga tinggi berbanding negeri lain. Semua ini perlu dikawal demi kepentingan rakyat, sebab itu ada undang-undang yang dianggap keras,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kandang Ternakan Lembu Wagyu Kelfarm Sdn Bhd di Kampung Seribong, di sini.

Menurutnya, rekod menunjukkan 70,000 ekor lembu diseludup tahun lalu.

Justeru pihak berkuasa
sempadan disaran
meningkatkan kawalan.

Dalam masa sama, Datuk Seri
Mohamad Sabu
memaklumkan
kementeriannya berusaha
meningkatkan pengeluaran
daging berkualiti tinggi
untuk memenuhi permintaan
domestik serta
mengurangkan
kebergantungan import.

Setakat Jun lalu, sebanyak
481 ekor lembu wagyu hybrid
dihasilkan berbanding 393
ekor pada 2024,
menunjukkan peningkatan
permintaan terhadap wagyu
tempatan.-[BERITARTM](#)

Penyeludupan Haiwan Ruminan Jejas Penternak Tempatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Berita	Online	7 Sept



Datuk Seri Mohamad Sabu ditemui di Kampung Seribong hari ini. - Foto BERNAMA.

KOTA BHARU, 7 Sept (Bernama) -- Penternak tempatan di negeri berhampiran sempadan Malaysia-Thailand termasuk Kelantan akan terkesan sekiranya penyeludupan haiwan ruminan terus berlaku.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata kemasukan haiwan itu secara haram akan menggugat harga pasaran daging tempatan malah menimbulkan risiko penularan penyakit daripada haiwan yang tidak disaring

oleh Jabatan Veterinar.

"Mengikut rekod, sebanyak 70,000 ekor lembu diseludup sepanjang tahun lalu. Sekiranya penyeludupan ini berterusan penternak-penternak yang berdekatan dengan sempadan termasuk Kelantan dan Kedah akan terkesan.

"Kita tahu rakyat boleh terima kalau harga daging RM25 hingga RM35 sekilogram secara umum tetapi apabila ada penyeludupan, daging yang ditawarkan lebih murah sekali gus memberi masalah

kepada penternak tempatan," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Kandang Ternakan Lembu Wagyu Kelfarm Sdn Bhd di Kampung Seribong di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua pihak terlibat bekerjasama untuk mengatasi masalah penyeludupan tersebut.

"Mungkin mereka yang membenarkan kemasukan haiwan ruminan secara haram ini akan memperoleh beberapa ribu ringgit tetapi kena ingat tindakan itu telah menganiaya negara," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata kementeriannya kini dalam usaha meningkatkan pengeluaran daging berkualiti tinggi bagi memenuhi permintaan domestik serta mengurangkan kebergantungan import.

"Berdasarkan data ternakan lembu baka hibrid, ternakan lembu wagyu sehingga Jun lalu berjaya merekodkan hasil sebanyak 481 ekor berbanding pencapaian tahun 2024 hanya sekitar 393 ekor. Peningkatan ini menunjukkan permintaan yang semakin tinggi terhadap lembu wagyu tempatan," katanya.

Ketika ditanya mengenai isu pergolakan di Indonesia, Mohamad berkata perkara itu tidak memberikan kesan ketara kepada aktiviti import negara.

"Bekalan makanan dan keterjaminan (makanan) negara tidak terancam susulan pergolakan itu. Di sana pun kembali reda, negara Indonesia sudah biasa dengan perkara itu (pergolakan) dan biasanya ia cepat kembali reda," katanya.-[BERNAMA](#)

Reban Tertutup UPM Pembekal Telur

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	K-Kampus	16 & 17	7 Sept

K!-KAMPUS

ISNIN 08.09.2025
www.kosmo.com.my
 kosmo online
 @ f X



Reban tertutup UPM pembekal telur

Di Ladang 15 yang terletak di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor berdiri sebuah reban ayam penelur tertutup yang mampu menghasilkan purata lebih 1,200 biji telur segar setiap hari.

Malah, UPM kini merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang memiliki sebuah reban ayam penelur tertutup yang dilengkapi dengan teknologi terkini bagi tujuan pembelajaran.

Reban tersebut dibina adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar Bachelar Sains Haiwan di UPM mendalami ilmu secara praktikal sebelum mereka masuk bekerja di dalam industri.

Pembangunan reban ayam penelur tertutup ini adalah cetusan idea Dekan



Pembangunan reban ayam penelur tertutup ini adalah cetusan idea Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Loh Teck Chwen untuk para pelajarinya mendalami ilmu secara praktikal. Bidang Pengajian sains haiwan di UPM telah ditawarkan sejak 15 tahun lalu dan masalah utama yang dihadapi adalah fasiliti praktikal yang tidak mencukupi."

Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Loh Teck Chwen untuk para pelajarinya mendalami ilmu secara praktikal.

Teck Chwen berkata, bidang pengajian sains haiwan di UPM telah ditawarkan sejak 15 tahun lalu dan masalah utama yang dihadapi adalah fasiliti praktikal yang tidak

mencukupi.

Menurutnya, pihak fakulti mendapat maklum balas daripada pihak industri yang mengatakan bahawa pelajar mereka agak lemah dari segi praktikal.

"Mereka tidak ada pengalaman dari segi praktikal dan kita memerlukan fasiliti-fasiliti

sesuai yang digunakan di dalam industri untuk tujuan tersebut.

"Tetapi dengan bantuan pihak industri kita mampu untuk membina reban ayam pedaging tertutup dan reban ayam penelur secara tertutup sepertimana yang digunakan oleh pihak industri bagi membolehkan pelajar mendalami ilmu secara praktikal," kata Teck Chwen kepada K-Kampus.

Reban ayam pedaging tertutup telah dibina oleh pihak industri Malayan Flour Mills Berhad dan AGCO GSI (Malaysia) Sdn. Bhd. pada 10 tahun lalu.

Sementara untuk reban ayam penelur tertutup pula la dibina oleh QL Resources Berhad yang merupakan sebuah syarikat pengeluar telur terbesar dan diserahkan kepada UPM pada awal tahun lalu.

Seludup Haiwan Ada Kaitan Dadah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	8	7 Sept

Seludup haiwan ada kaitan dadah

KOTA BHARU – Penyeludupan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan boleh dikaitkan dengan kegiatan sindiket yang menjalankan seludup dadah ke negara ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penyeludupan dadah merupakan salah satu daripada tiga kesan buruk hasil daripada membawa masuk haiwan ternakan secara haram ke negara ini.

Menurutnya, kesan pertama bagi penyeludupan ternakan adalah harga jualan lembu dan kambing yang jauh lebih murah



tan sangat tinggi. Kita tidak tahu apa yang berlaku di kampung-kampung. Semua aspek itu perlu dikawal dan kepentingan rakyat perlu dijaga," katanya selepas Majlis Perasmian Kandang Ternakan Lembu Wagyu Kelfarm Sdn. Bhd. di Seribong di sini semalam.

Mohamad berkata, sehubungan itu, terdapat undang-undang di negara ini yang melibatkan kes-kes penyeludupan dianggap sedikit keras, namun sebenarnya ia dilakukan untuk kepentingan rakyat.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, sindiket pengedaran dadah dikesan menggunakan taktik dengan memasukkan dadah ke dalam buntut haiwan.

daripada harga yang ditetapkan di pasaran.

"Haiwan-haiwan tersebut juga tidak diperiksa tahap penyakit atau kesihatannya dan semua aspek itu perlu dijaga. Selain itu, penyeludupan haiwan ternakan juga melibatkan kes seludup dadah ke negeri ini.

"Kita boleh lihat kes-kes penyalahgunaan dadah di 'Kelantan'.



MOHAMAD (dua dari kiri) semasa melawat kandang lembu wagyu selepas Majlis Perasmian Kandang Ternakan Lembu Wagyu Kelfarm Sdn. Bhd. di Seribong, Kota Bharu semalam. – MUSTAQIM MOHAMED

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR